

No. Soalan: 64
PR-1352-L01585

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
[TUMPAT]

TARIKH : 3 OGOS 2017

SOALAN : Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]
minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan sikap dan tindakan Kerajaan
terhadap kelulusan oleh Kerajaan Israel
untuk pembinaan perumahan baru di
Tebing Barat Palestin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia tidak mempunyai sebarang hubungan diplomatik dengan Israel. Malaysia juga adalah sebuah negara yang sentiasa berpegang kepada prinsip-prinsip kemanusiaan dan amat prihatin terhadap penderitaan rakyat Palestin.

3. Sejak dahulu lagi, Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya pembinaan penempatan haram oleh Israel. Tindakan Israel meluluskan pembinaan penempatan haram jelas bercanggah dengan undang-undang antarabangsa, khususnya Resolusi 2334, Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang diluluskan pada 23 Disember 2016.

4. Kegiatan perluasan penempatan haram oleh Israel di Tebing Barat dan Jerusalem menjadi bukti pencabulan berterusan Israel ke atas hak-hak rakyat Palestin dan penghinaan terhadap undang-undang antarabangsa. Aktiviti penempatan haram Israel ini mampu mengancam penyelesaian konflik dua negara ini.

5. Resolusi 2334 (2016) yang diluluskan di Majlis Keselamatan PBB, mengesahkan bahawa penempatan oleh Israel di wilayah Palestin sejak tahun 1967 adalah haram dan merupakan pelanggaran undang-undang antarabangsa.

6. Walaupun Malaysia tidak lagi menganggotai Majlis Keselamatan PBB, Malaysia akan terus melibatkan diri dalam debat terbuka berpenggal mengenai situasi di Timur Tengah termasuk Palestin yang diadakan setiap tiga bulan di Majlis Keselamatan PBB dan mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan di Perhimpunan Agung PBB bagi menggesa supaya Majlis Keselamatan PBB melaksanakan resolusi tersebut secara menyeluruh dan terangkum.

7. Malaysia menyokong penyelesaian yang adil dan menyeluruh dengan penubuhan dua negara, Israel dan Palestin, yang wujud secara sebelah menyebelah dengan aman berdasarkan kepada sempadan pra-1967, dengan Baitulmaqdis (*East Jerusalem*) sebagai ibu negara Palestin.

8. Secara keseluruhannya, Malaysia berpegang teguh kepada dasar yang menyokong aspirasi rakyat Palestin untuk mewujudkan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat. Selaku negara anggota di pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti PBB, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Malaysia akan terus menyuarakan pandangannya terhadap isu ini di setiap peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.